

UMS disaran laksana lebih banyak kajian berkaitan orang asal

Oleh Sitti Nor Azizah Talata

KOTA KINABALU: Isu tentang pembangunan orang asal, hak asasi dan cabaran yang mereka hadapi sememangnya menjadi fokus utama pihak institusi pengajian tinggi di negara ini.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin berkata ini kerana kebanyakan orang asal di Sabah, Sarawak dan kelompok orang asli di Semenanjung merupakan komuniti yang masih hidup dalam keadaan miskin dan terpencil.



Aidi dan Dr Taufiq Yap (tengah) mengabadikan kenangan bersama peserta Seminar Pembangunan Orang Asal (SPOA 2019): Cabaran dan Kelestarian di Dewan Resital Universiti Malaysia Sabah UMS. – Gambar SNT/Ihsan UMS

Menurut Dr Taufiq komuniti orang asal memerlukan perhatian dan pembelaan oleh semua pihak pemegang taruh (stakeholders) demi memajukan taraf hidup dan pencapaian mereka dalam pelbagai aspek terutama untuk meningkatkan lagi tahap pendapatan, pendidikan, pemilikan tanah adat dan hutan demi kesejateraan mereka.

“Di sinilah relevannya 17 indikator Sasaran Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals) kerana fokus SDG memfokuskan kesesuaian tindakan pemerintah dan stakeholders bagi mengatasi situasi ketidakupayaan orang asal.

“Pembangunan oleh pemerintah dengan berpandukan SDG akhirnya boleh memenuhi aspirasi dan harapan pembangunan orang asal tidak kira di mana jua mereka berada.



Dr Taufiq Yap (dua dari kiri) menyampaikan cenderahati kepada Aidi selepas perasmian Seminar Pembangunan Orang Asal (SPOA 2019): Cabaran dan Kelestarian di Dewan Resital Universiti Malaysia Sabah UMS. – Gambar SNT/Ihsan UMS

“Lantaran itu, memenuhi aspirasi dan harapan orang asal secara adil dan saksama inilah mengikut United Nations bererti memenuhi hak asasi orang asal.

“Oleh itu, pada pandangan saya, penganjuran seminar ini sangat sesuai dan relevan kerana ia merupakan serangkaian wadah penting dalam discourse akademik dan penyelidikan di UMS pada masa kini,” katanya ketika berucap dalam Seminar Pembangunan Orang Asal (SPOA 2019): Cabaran dan Kelestarian di Dewan Resital UMS di sini, hari ini.

Seminar selama dua hari itu yang berakhir hari ini dirasmikan oleh Menteri Undang-Undang dan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah, Datuk Aidi Moktar.

Dr Taufiq berkata di Universiti Malaysia Sabah, Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS) telah ditubuhkan pada 2 Januari 2019 dan merupakan salah satu pelan strategik utama UMS dalam bidang penyelidikan.

Tambah beliau lagi UMS ingin menjadikan BorIIS sebagai ‘pusat rujukan’ utama untuk memahami tentang orang asal di Borneo sama ada di peringkat nasional dan global.

“BorIIS sedang menjalankan beberapa bidang penyelidikan orang asal di Sabah seperti kajian bahasa Kadazan Dusun sebagai salah satu pengajian bahasa di sekolah selain daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris; Kajian tentang Ekosistem dan Struktural Tadbir Urus Mahkamah Anak Negeri di Sabah.

“Saya juga berharap agar BorIIS menjalankan satu kajian tentang Hubungan Harmoni Etnik di Sabah agar hasil kajian ini boleh menjadi landasan atau model hubungan harmoni antara kaum di Malaysia,” katanya.

Beliau yakin melalui penubuhan BorIIS dan jalinan kerjasama UMS dengan universiti awam dan swasta, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti orang asal di Sabah dan seluruh negara amnya, hak asasi dan indikator SDG akan mudah difahami melalui kerja dan hasil penyelidikan ilmiah dan saintifik untuk generasi akan datang. – SabahNewsToday